



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH**

TAHUN 4

**BAHASA
MELAYU**



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

2003

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Kata Pengantar

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Huraian Sukatan Pelajaran ini menjelaskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut tahap kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid. Hasil pembelajaran diperingkatkan kepada tiga aras, iaitu Aras 1 (aras asas), Aras 2 (aras sederhana), dan Aras 3 (aras cemerlang).

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.


Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada usur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara kontekstual, dan pembelajaran secara konstruktivisme. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan

keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Tahun Empat menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran memberikan cabaran yang sesuai dengan pelajar pada tahap tertinggi dalam pendidikan sekolah rendah. Huraian ini seharusnya dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu di peringkat rendah juga bertujuan mewujudkan asas semangat kewarganegaraan.

Kurikulum Bahasa Melayu digubal bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan ilmu pengetahuan daripada mata-mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Bagi membantu guru melaksanakan pengajaran yang berkesan, Huraian Sukatan Pelajaran disediakan bagi setiap tahun pembelajaran. Huraian Sukatan Pelajaran bagi setiap tahun mengandungi objektif khusus bagi setiap tahun pembelajaran sebagai rujukan guru untuk menentukan tahap pencapaian penguasaan murid. Selain itu, Huraian Sukatan Pelajaran ini juga mengandungi Organisasi Kandungan yang merangkumi Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, dan Pengisian Kurikulum.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu mengandungi 3 lajur, iaitu lajur hasil pembelajaran dan kemahiran, lajur huraian hasil pembelajaran dan lajur cadangan aktiviti. Lajur hasil pembelajaran menyenaraikan hasil pembelajaran dan kemahiran yang perlu dicapai oleh murid Tahun Empat. Lajur huraian hasil pembelajaran memperincikan kemahiran berbahasa kepada tiga aras pembelajaran, iaitu Aras 1 bagi tahap pencapaian manimum yang perlu dikuasai oleh semua murid. Setelah murid menguasai Aras 1 murid akan mempelajari kemahiran berbahasa Aras 2 dan Aras 3 yang lebih mencabar. Lajur cadangan aktiviti menyediakan contoh aktiviti / nota pengajaran dan pembelajaran sebagai panduan kepada guru. Aktiviti yang disenaraikan hanyalah cadangan bagi aras-aras tertentu yang terdapat dalam huraian sukatan pelajaran ini. Cadangan aktiviti yang disenaraikan tidak mampu mencakupi keperluan bagi setiap situasi pengajaran dan pembelajaran. Guru perlulah memilih dan menyesuaikan cadangan aktiviti dengan profil murid dan keadaan setempat. Guru juga disarankan menggunakan pelbagai teknik atau aktiviti yang bersesuaian dengan tahap kemampuan murid.

MATLAMAT

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial dan urusan harian.

OBJEKTIF

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sekolah rendah murid dapat:

- i. mendengar pengucapan dengan teliti dan memahami serta menghayati pengucapan dalam konteks perbualan harian dan formal;
- ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul dalam pelbagai situasi;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat untuk menyelesaikan masalah, mencapai persetujuan, dan membuat keputusan tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bahan berunsur pengetahuan dengan teknik membaca yang sesuai dan berkesan untuk memperoleh ilmu dan memproses maklumat secara kritis;
- v. memupuk minat membaca sebagai satu amalan ke arah membina budaya pembelajaran berterusan;
- vi. memperkembang kekuatan imaginasi, kreativiti, pemikiran kritis dan penghayatan nilai murni melalui aktiviti bertutur, membaca dan menulis;
- vii. mengenali dan menghasilkan pelbagai jenis penulisan bentuk kreatif dan berunsur pengetahuan dengan kemahiran menulis serta proses penulisan yang sesuai dan betul;
- viii. menggunakan bahasa baku yang meliputi ejaan, kosa kata, tatabahasa, dan sebutan yang betul dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis;
- ix. menghargai dan menghayati keindahan bahasa melalui karya sastera dan karya berunsur ilmu; dan
- x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotisme, dan perasaan cinta akan negara.

OBJEKTIF

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat murid dapat:

- i. mendengar dengan teliti serta memahami pengucapan dalam konteks perbualan harian dan situasi formal;
- ii. bertutur dengan petah menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila;
- iii. berbincang dan berkongsi pendapat tentang sesuatu perkara;
- iv. membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang berunsur ilmu;
- v. menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan proses penulisan yang sesuai;
- vi. menulis teks dengan menggunakan tulisan berangkai dengan kemas dan cantik;
- vii. menghasilkan karangan dengan menggunakan tidak kurang daripada 80 perkataan;
- viii. menggunakan bahasa baku yang meliputi ejaan, kosa kata, tatabahasa dan sebutan yang betul;
- ix. mengamalkan budaya membaca dalam kehidupan seharian; dan
- x. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotisme.

ORGANISASI KURIKULUM

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah rendah digubal dengan memberikan fokus pada Hasil Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Hasil Pembelajaran ini berteraskan kemahiran bahasa, iaitu Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, dan Kemahiran Menulis. Hasil Pembelajaran juga menggabungkan peraturan dalam Sistem Bahasa dan disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran Bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran Bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

Kemahiran Mendengar

Kemahiran Mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

Kemahiran Bertutur

Kemahiran Bertutur merujuk kepada keupayaan murid berbual untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan kepada penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang sesuai.

Kemahiran Membaca

Kemahiran Membaca merupakan keupayaan murid membaca ayat dengan lancar serta sebutan, intonasi, jeda yang betul. Penekanan perlu diberikan kepada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik membaca.

Kemahiran Menulis

Kemahiran Menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat dan mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan cantik. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan berunsurkan pengetahuan dan penulisan imaginatif.

Penguasaan kemahiran bahasa memerlukan kepelbagaian situasi dan konteks yang meliputi bentuk prosa, puisi, dan grafik.

Hasil Pembelajaran

Hasil Pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran bahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Justeru, hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, hasil pembelajaran dapat dicapai dengan menggabungkan keempat-empat kemahiran bahasa, sistem bahasa dan pengisian kurikulum. Pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran yang pelbagai juga dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, hasil pembelajaran juga dapat membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

Sistem Bahasa

Sistem Bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa,. Aspek tatabahasa merangkumi morfologi dan sintaksis manakala aspek kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah yang terdapat dalam mata pelajaran yang lain pada di peringkat rendah.

Pengisian Kurikulum

Pengisian Kurikulum terdiri daripada elemen yang menggabungkan perkembangan terkini dalam pendidikan yang meliputi aspek ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, pendidikan nilai, kewarganegaraan, dan patriotisme diberi penekanan selaras dengan matlamat negara membangunkan masyarakat madani.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa.

1.0 Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

1.1 Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk kata, dan penggolongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Aspek morfologi yang diberi tumpuan ialah seperti yang berikut:

- a. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi
 - i. kata asli bahasa Melayu
 - ii. kata pinjaman bahasa Melayu

- b. Bentuk kata
 - i. kata tunggal
 - ii. kata terbitan
 - iii. kata majmuk
 - iv. kata ganda
 - Proses pembentukan kata bahasa Melayu ialah:
 - i. pengimbuhan
 - ii. penggandaan
 - iii. pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata, yang amat kompleks ialah sistem imbuhan bahasa Melayu. Oleh itu, penekanan hendaklah diberi pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna.

- c. Golongan kata terdiri daripada:
 - i. kata nama
 - ii. kata kerja
 - iii. kata adjektif
 - iv. kata tugas

1.2 Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- a. Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa, dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- b. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan.
- c. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- d. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang.
- e. Binaan dan proses penerbitan ayat:
 - i. ayat dasar
 - ii. ayat tunggal
 - iii. ayat terbitan atau ayat majmuk, dan
- f. Aspek tanda baca

2.0 Sistem Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

- i. pola keselarasan huruf vokal
- ii. ejaan kata pinjaman
- iii. ejaan kata dasar dan kata terbitan

3.0 Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan sesuatu makna dengan tepat. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

- i. Sebutan
Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.
- ii. Intonasi
Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:
 - a. Jenis ayat
 - i. ayat penyata
 - ii. ayat tanya
 - iii. ayat seruan
 - iv. ayat perintah
 - b. Susunan ayat
 - i. ayat biasa
 - ii. ayat songsang
 - c. Ragam ayat
 - i. ayat aktif
 - ii. ayat pasif

Nota

- * Buku **Tatabahasa Dewan Edisi Baharu 1993** ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- * Buku **Daftar Ejaan Rumi dan Jawi Edisi 2001** ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pengajaran.

4.0 Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu dipertingkatkan dan diperkembang selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah rendah.

5.0 Peribahasa

Peribahasa yang merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan dan perbilangan serta kata-kata hikmat dan bahasa kiasan perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa, kata-kata hikmat dan bahasa kiasan hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia.

PENGISIAN KURIKULUM

Terdapat beberapa elemen dalam pengisian kurikulum, iaitu pengetahuan daripada pelbagai bidang ilmu, nilai, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, serta pembelajaran secara konstruktivisme, dan kontekstual.

1.0 Pengetahuan

Pengetahuan merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin. Contohnya bidang sains, geografi dan lain-lain yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Pengetahuan juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

2.0 Nilai

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Keperihatinan dan pemahaman bahawa Malaysia adalah negara pelbagai budaya harus dipupuk secara langsung dan tidak langsung. Ini seterusnya dilanjutkan kepada pemahaman di peringkat antarabangsa selaras dengan keperluan globalisasi.

3.0 Kewarganegaraan

Unsur patriotisme dan kewarganegaraan yang diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan tanah air. Di samping itu, pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen individu terhadap bangsa dan negara.

4.0 Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam masyarakat Malaysia.

5.0 Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Sehubungan dengan itu, kurikulum Bahasa Melayu menyepadukan kemahiran lain agar memenuhi keperluan semasa pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai serta pembelajaran konstruktivisme, dan kontekstual. Penjelasan tentang kemahiran bernilai tambah dinyatakan di bawah.

5.1 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, meyelesaikan masalah atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

5.2 Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka boleh menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima mel elektronik, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan mengakses maklumat yang terdapat dalam Internet.

5.3 Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

5.4 Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pembelajaran bagi membolehkan murid menyedari sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid dapat manfaat yang maksimum.

5.5 Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

5.6 Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran secara konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan lebih seronok untuk terus belajar sepanjang hayat.

5.7 Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat, dalam alam pekerjaan. Pembelajaran kontekstual disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit yang melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna, dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung pada pengolahan teknik dan penggunaan bahan bantu belajar serta teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi, dan berinteraksi.

Kepelbagaian Sumber Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan sumber seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, Internet, serta bahan sastera dan bahan berunsur ilmu hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan juga untuk bacaan ekstensif.

Penggunaan Tatabahasa yang tepat

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah rendah menekankan penggunaan tatabahasa mengikut kemampuan murid. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Bacaan Luas

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid menimba pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan gaya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan-bahan ilmiah dan sastera. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan melalui penyerapan.

PENEKANAN KONSEP 5P

Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menekankan konsep penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

a. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran yang terdapat dalam hasil pembelajaran atau kemahiran daripada mata pelajaran lain.

b. Penyerapan

Dalam pengajaran Bahasa Melayu, unsur ilmu, nilai dan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin dalam pelbagai mata pelajaran.

c. Pengayaan

Program pengayaan perlu diberikan penekanan dalam Kurikulum Sekolah Rendah kerana keadaan murid yang berbeza dari segi kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid hendaklah diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan seperti bahan bacaan tambahan, kad, permainan dan bahan aktiviti boleh diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

d. Pemulihan

Program pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan program ini adalah mengikut kadar kemampuan murid menguasai sesuatu kemahiran.

e. Penilaian

Penilaian dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan sesuatu aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran. Oleh itu, penilaian perlulah dijalankan berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hanya melalui proses penilaian berterusan dapat dipastikan jenis tindakan susulan yang perlu diambil ke atas seseorang murid, sama ada untuk menjalankan pemulihan atau pengayaan, dan setelah itu barulah dapat dipastikan jenis aktiviti pemulihan atau aktiviti pengayaan yang sesuai bagi murid.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.0 Berbual dengan keluarga, rakan sebaya dan pihak lain dalam situasi formal dan tidak formal</p> <p>1.1 Berbual tentang sesuatu perkara berkaitan dengan kehidupan seharian dengan menggunakan kata, ungkapan, ayat, sebutan, intonasi, dan nada yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Berbual tentang sesuatu perkara yang dialami atau yang dilihat atau yang dibaca.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menggunakan kata panggilan dan kata ganti nama diri yang sesuai mengikut situasi dalam perbualan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menerima teguran secara terbuka dalam perbualan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bersoal jawab berdasarkan sesuatu situasi bagi tujuan menceritakan perkara yang dialami, yang dilihat atau dibaca. • Berlakon dengan menggunakan kata panggilan kata ganti nama diri yang sesuai mengikut situasi dalam perbualan. Contoh : Situasi bergotong-royong di taman perumahan • Main peranan untuk menunjukkan cara menerima teguran secara terbuka dalam perbualan. Contoh : Situasi bapa memberikan teguran kepada anak Nota : Maksud teguran secara terbuka ialah fikiran, perasaan, dan hati.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.2 Bertanya dan menjawab tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendengar dan mengecam intonasi soalan tanpa kata tanya. ii. Mengemukakan soalan dengan kata tanya dan tanpa kata tanya untuk mendapatkan maklumat. iii. Memberikan respons yang sesuai terhadap soalan yang dikemukakan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengemukakan soalan bertumpu dan bercapah serta menjawabnya secara logik dan tepat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Murid mendengar dan mengecam intonasi dalam soalan tanpa kata tanya. Nota : Perengarkan rakaman • Bersoal jawab menggunakan kata tanya dan tanpa kata tanya. • Mengemukakan jawapan yang sesuai dalam sesi temu bual. • Membuat simulasi dengan mengemukakan soalan bertumpu dan bercapah serta menjawabnya secara logik dan tepat. Contoh : <ul style="list-style-type: none"> a. Berapa kalikah anda telah mewakili sekolah dalam permainan bola sepak? (bertumpu) b. Bagaimanakah anda meningkatkan prestasi permainan? (bercapah)

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Bersoal jawab untuk membuat rumusan dan keputusan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Simulasi sesi wawancara berdasarkan sesuatu topik. Contoh : Topik - beg sekolah yang berat

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.3 Memberikan dan memahami arahan serta pesanan tentang sesuatu perkara.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendengar serta memahami arahan dan pesanan. ii. Menyampaikan arahan serta pesanan dengan intonasi yang betul dan bersopan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mendengar, menerima, dan melaksanakan arahan serta pesanan dengan betul, cepat, dan tersusun. ii. Menyatakan panduan tunjuk arah kepada orang lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Permainan Bahasa (menyampaikan pesanan) bagi tujuan menyampaikan arahan serta pesanan dengan intonasi yang betul dan bersopan. Nota : menyatakan ayat arahan dan ayat pesanan Contoh : a. Tolong hantar buku ke bilik guru. (arahan) b. Tolong sampaikan surat ini kepada ibu bapa kamu. (pesanan) • Melakonkan sesi melaksanakan arahan dan pesanan dengan betul, tepat, dan tersusun. • Simulasi – tunjuk arah kepada orang lain.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menyalurkan arahan serta pesanan yang diterima kepada orang lain dengan jelas dan tepat.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Main peranan untuk membuat tindakan wajar berdasarkan arahan serta pesanan yang diberikan.• Lakonan spontan bagi menyalurkan arahan serta pesanan dengan jelas dan tepat. Contoh : memberikan panduan kepada pelancong

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.4 Menyatakan permintaan secara berterus terang dan meyakinkan dengan intonasi dan paralinguistik yang sesuai untuk menguatkan permintaan.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memilih serta menggunakan kata dan ayat yang sesuai untuk menyatakan sesuatu permintaan. ii. Menggunakan mimik muka yang sesuai semasa mengemukakan permintaan. iii. Memohon pertimbangan untuk memenuhi sesuatu permintaan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengajukan hasrat dengan ungkapan yang sesuai. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berlakon berdasarkan kad arahan dengan kata serta ayat yang sesuai untuk memohon pertimbangan bagi memenuhi permintaan. Contoh : Persatuan Bahasa Melayu akan mengadakan lawatan ke Melaka. Anak : Emak, along nak ikut lawatan ke Melaka. Ramai kawan along yang ikut serta. Bolehlah emak, ya? • Membuat simulasi untuk mengajukan hasrat dengan ungkapan yang sesuai. Contoh : Memujuk ibu bapa pergi berkelah/melancong. Anak : Ibu, dah lama kita tidak pergi berkelah. Tentu seronok jika kita pergi beramai-ramai.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Menyatakan sebab dan akibat untuk menyokong sesuatu permintaan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Berbincang bagi tujuan menyatakan sebab dan akibat untuk menyokong sesuatu permintaan. <p>Anak : Kalau along tidak mengikuti lawatan itu, tentu along tidak dapat menjawab soalan kuiz mingguan di sekolah.</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.5 Memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara yang tersurat dan tersirat</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyatakan fakta yang terdapat dalam bahan. ii. Mengecam mesej yang terdapat dalam bahan. iii. Menerangkan fakta dan mesej yang terdapat dalam bahan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan maklumat yang tersurat dan tersirat tentang sesuatu peristiwa. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan teknik penyoalan (5W + 1H) untuk mengecam dan menyatakan fakta dan mesej yang terdapat dalam bahan yang dilihat atau yang dibaca. • Membuat laporan untuk menerangkan fakta dan mesej yang terdapat dalam bahan. • Membaca secara luncuran untuk mendapatkan maklumat keseluruhan. • Berbincang untuk menerangkan sebab yang tersurat dan tersirat tentang sesuatu peristiwa. Contoh : rumah terbakar disebabkan litar pintas (tersurat) kesilapan pendawaian elektrik (tersirat)

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Mengusul periksa andaian untuk menjelaskan perkara yang tersurat dan yang tersirat.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Berbincang untuk melengkapkan borang PG bagi tujuan mengusul periksa andaian untuk menjalankan perkara yang tersurat dan yang tersirat.• PG – Pengurusan Grafik <div data-bbox="1391 576 1816 695" style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 10px 0;">Grafik borang PG mengusul periksa andaian</div>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>1.6 Menyatakan sesuatu kemahuan semasa menjalankan transaksi dalam urusan harian untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengenal pasti keperluan dan menyatakannya dengan jelas.</p> <p>ii. Menggunakan ayat yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menggunakan kata dan istilah yang betul semasa berurusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang untuk mengenal pasti keperluan dan menyatakan kuantitinya dengan jelas. Contoh : lima batang pensel, empat helai kertas warna merah • Berlakon mengemukakan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang sesuatu perkhidmatan dan barangan yang diperlukan. Contoh : Situasi di kedai buku. Murid : Bolehkah abang terangkan cara hendak memasang alat ini? • Berbincang untuk memilih dan menggunakan istilah yang betul semasa berurusan. Contoh : pengguna, jual beli, diskaun, harga modal, keuntungan

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <p>i. Berunding dengan sopan untuk mendapatkan persetujuan semasa berurusan.</p>	<p>Main peranan untuk berunding dengan sopan bagi mendapatkan persetujuan semasa berurusan. Contoh : memulangkan barang yang rosak semasa dibeli</p>

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>2.0 Bercerita dan melaporkan sesuatu perkara yang didengar, ditonton, dibaca atau dialami</p> <p>2.1 Bercerita menggunakan kata, frasa, ayat serta sebutan dan intonasi yang baik dan jelas.</p>	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none">i. Memilih diksi yang sesuai untuk menyampaikan sesuatu cerita.ii. Menyampaikan rentetan peristiwa yang berlaku di luar lingkungan persekolahan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none">i. Bercerita berdasarkan bahan yang telah dibaca dan peristiwa yang dialami menggunakan pelbagai jenis ayat.ii. Menyatakan ramalan kesudahan sesuatu peristiwa dengan bahasa yang betul.	<ul style="list-style-type: none">• Mengadakan pertandingan bercerita di dalam bilik darjah. Contoh : Si Tanggang. Diksi : derhaka, menyayat hati, berdagang, nakhoda • Ceritakan kepada rakan bahan yang telah dibaca.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Mempelsembahkan cerita dengan sebutan, intonasi, dan penghayatan yang sesuai.ii. Menghuraikan sesuatu perkara yang didengar dengan bahasa yang betul.	<ul style="list-style-type: none">• Murid mengambil bahagian dalam pertandingan bercerita peringkat sekolah.• Memberikan ulasan tentang pengajaran yang terdapat dalam cerita yang disampaikan.• Menyatakan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam cerita yang disampaikan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
2.2 Melaporkan sesuatu perkara dengan bahasa yang sesuai dan tepat.	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyampaikan sesuatu berita secara ringkas dengan bahasa yang betul.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyampaikan maklumat penting tentang sesuatu perkara.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengemukakan cadangan untuk menyelesaikan masalah berdasarkan sesuatu perkara dengan ayat yang jelas.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Membuat pengumuman sesuatu berita secara ringkas. Contoh : kemenangan dalam pertandingan bola jaring/jaringan terbanyak dilakukan oleh Rohana• Menceritakan kejadian yang dilihat atau didengar atau dibaca.• Memaklumkan cadangan penyelesaian masalah tentang sesuatu perkara.• Melaporkan hasil perbincangan. Contoh : kurangnya budaya membaca di kalangan murid

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota						
<p>3.0 Menyampaikan maklumat dalam pengucapan yang mudah, betul, menarik, dan berkesan</p> <p>3.1 Menyampaikan maklumat tentang sesuatu perkara atau tajuk menggunakan kata, istilah, frasa, struktur ayat yang betul dan laras bahasa yang sesuai.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengumpulkan dan menyusun isi penting daripada sesuatu topik yang dibincangkan.</p> <p>ii. Mengemukakan isi penting dengan jelas.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyusun isi penting sesuatu topik.</p> <p>ii. Menyampaikan isi penting sesuatu topik secara tersusun dengan bahasa yang mudah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan isi penting berdasarkan tajuk. • Menyampaikan isi penting mengikut urutan. • Menyediakan pengurusan grafik untuk menyusun isi penting. • Mengemukakan isi penting yang terdapat di dalam lembaran pengurusan grafik. Contoh : murid menyediakan catatan ringkas <table border="1" data-bbox="1444 954 1892 1161" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;">Isi Teks</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">Isi Penting</th> <th style="text-align: center;">Isi Tidak Penting</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="height: 60px;"></td> <td style="height: 60px;"></td> </tr> </tbody> </table>	Isi Teks		Isi Penting	Isi Tidak Penting		
Isi Teks								
Isi Penting	Isi Tidak Penting							

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menentukan fakta yang sesuai tentang sesuatu topik yang dibincangkan. ii. Membentangkan maklumat yang diperolehi dengan ayat yang tepat.	<ul style="list-style-type: none">• Memilih dan melaporkan fakta yang sesuai. Contoh topik : banjir Contoh istilah : hakisan, kawasan tadahan air, empangan, sistem saliran • Menyampaikan maklumat dengan tepat.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota												
<p>3.2 Menghuraikan maklumat dengan alasan yang meyakinkan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengembangkan idea tentang sesuatu perkara dengan memberikan alasan yang sesuai.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Membentangkan fakta tentang sesuatu topik dengan ulasan yang wajar.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menjelaskan pendapat tentang sesuatu topik dengan mengemukakan bukti yang wajar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Memberikan penjelasan yang kukuh sebagai bukti. Contoh : melengkapkan borang pengurusan grafik sebab akibat <table border="1" data-bbox="1447 488 1895 695"> <thead> <tr> <th colspan="3">Menjaga Pemakanan</th> </tr> <tr> <th>Tindakan</th> <th>Sebab</th> <th>Akibat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>makanan terdedah</td> <td>dihinggapi lalat</td> <td>sakit perut</td> </tr> <tr> <td>makanan berlebihan</td> <td>kolesterol tinggi</td> <td>lemah jantung</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Menghuraikan idea tentang sesuatu perkara dengan alasan yang munasabah. Contoh :murid memberikan penerangan berdasarkan catatan yang dibuat pada peta minda Menjelaskan fakta dengan ulasan yang lengkap. Contoh : aktiviti syarahan 	Menjaga Pemakanan			Tindakan	Sebab	Akibat	makanan terdedah	dihinggapi lalat	sakit perut	makanan berlebihan	kolesterol tinggi	lemah jantung
Menjaga Pemakanan														
Tindakan	Sebab	Akibat												
makanan terdedah	dihinggapi lalat	sakit perut												
makanan berlebihan	kolesterol tinggi	lemah jantung												

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>3.3 Menyampaikan maklumat kepada pihak lain dalam aktiviti yang terancang.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mempersembahkan idea tentang sesuatu persoalan dengan diksi, ayat, dan gaya yang sesuai.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengemukakan idea tentang sesuatu tema dengan wacana yang sesuai.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Membentangkan pendapat tentang sesuatu persoalan dengan bahasa yang bertatasusila.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan aktiviti perbincangan berpandukan topik yang diberikan. • Mempersembahkan hasil perbincangan dengan diksi, ayat, dan gaya yang sesuai. • Situasi pertandingan syarahan di dalam bilik darjah. Nota : maksud wacana • keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan • Membahaskan sesuatu topik yang diberikan. Contoh : kegiatan kokurikulum meningkatkan prestasi pelajaran

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>4.0 Berbincang tentang tajuk-tajuk yang relevan secara bertatasusila</p> <p>4.1 Mengemukakan idea, pandangan, dan pendapat tentang sesuatu perkara secara terperinci, tepat, dan tersusun.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengamati topik perbincangan untuk memberikan pandangan yang relevan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengemukakan pendapat bagi menjelaskan idea tentang isu perbincangan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Memberikan respons tentang sesuatu isu yang dibincangkan dengan mengemukakan alasan yang sesuai.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bincangkan isi tentang topik yang dikemukakan. Tajuk : Keluarga Bahagia. Nota : membandingkan dan membezakan dua situasi keluarga • Memberikan pendapat untuk menjelaskan idea dalam perbincangan. Contoh : masa belajar dilanjutkan hingga pukul 3.00 petang • Menyatakan pandangan dengan alasan yang kukuh. Contoh situasi : masa belajar di dalam bilik darjah <ul style="list-style-type: none"> - Anda sedang mengikuti mata pelajaran yang sangat anda minati tetapi anda diminta menghadiri perjumpaan pengawas.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>4.2 Mengemukakan komen yang sesuai berdasarkan pemerhatian, pengalaman, dan maklumat yang disampaikan oleh pihak lain.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Memberikan komen yang membina tentang sesuatu perkara.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengelaskan pernyataan dan memberikan kritikan yang membina.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Mengemukakan teguran yang positif berdasarkan maklumat yang diperoleh.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan pendapat yang membina tentang sesuatu isu. Contoh isu : mencerikan kawasan sekolah • Mengasingkan dan memberikan komen terhadap sesuatu pernyataan. Contoh :memberikan pendapat yang rasional dalam sesuatu perbincangan Tajuk : Kerja Rumah membebaskan murid • Berbincang dan memilih perkataan yang sesuai untuk menegur orang lain. Contoh : Maafkan saya, izinkan saya mengemukakan cadangan. • Main peranan untuk menyampaikan teguran yang positif. Situasi : pintu pagar utama - pengawas menahan murid yang lewat dan memberikan teguran yang positif

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>4.3 Mengemukakan hujah untuk menyokong atau menentang sesuatu pendirian dengan memberikan alasan yang sesuai secara sopan dalam aktiviti yang terancang.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyatakan pendirian tentang sesuatu tajuk perbincangan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Memberikan pendapat dengan alasan tentang sesuatu topik.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menyokong sesuatu tajuk dengan mengemukakan hujah yang bernas.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memberikan pendapat sendiri dalam sesuatu perbincangan. • Mengemukakan hujah yang kukuh berdasarkan topik. Contoh : hujah berserta bukti • Menyediakan set perbincasan. • Murid membahaskan sesuatu isu yang dikemukakan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti/Nota
<p>4.4 Menyatakan pilihan untuk menerima atau menolak pandangan dan pendapat dalam perundingan bagi mencapai kata sepakat.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Mengemukakan alasan yang sesuai untuk menerima atau menolak sesuatu pendapat.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menyatakan sebab dan akibat untuk menerima atau menolak sesuatu pendapat.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Meneliti tawaran untuk membuat pilihan.</p> <p>ii. Mengemukakan alasan untuk menerima atau menolak sesuatu pendapat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih sama ada menerima atau menolak pendapat yang diberi. • Menyenaraikan alasan yang sesuai sama ada menyokong atau menolak sesuatu pendapat. • Memberikan alasan tentang sesuatu pendapat. Situasi : kampung pertanian Isu : membina taman perumahan di tanah pertanian • Membuat keputusan dengan menyatakan alasan. Contoh : mengisi borang pengurusan grafik membuat keputusan